

Puasa 'Ashura': Antara Fardu dan Sunnah dalam Empat Mazhab Fiqh

[The Fast of 'Ashura': Between Obligation and Sunnah in the Four Schools of Fiqh]

Muhammad Amirul Abdul Rahman¹ & Mohammad Hafiz Darpen¹

1 Jabatan Al-Sunnah Wa 'Ulumih, Fakulti Al Quran dan Sunnah, Universiti Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02000, Perlis, Malaysia
E-mail: Muhammadamirul5570@gmail.com; hafizdarpen@kuips.edu.my

*Corresponding Author: hafizdarpen@kuips.edu.my

Abstrak

Puasa 'Ashura' diamalkan pada bulan Muharam mempunyai keistimewaan dalam syariat Islam. Ia juga pernah difardukan sebelum turunnya ayat al-Qur'an yang mewajibkan puasa Ramadan. Namun, kajian ini membincangkan isu perbezaan dalam kalangan ulama empat mazhab sama ada puasa 'Ashura' pernah difardukan atau hanya disunatkan sejak awal pensyariatannya. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif kepustakaan, berasaskan analisis data daripada sumber ilmiah dan kitab muktabar. Isu ini diteliti melalui analisis teks fiqh turath daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Kajian mendapati bahawa hanya Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, serta sebahagian ulama daripada Mazhab al-Syafi'i dan Mazhab Hanbali berpendapat bahawa puasa 'Ashura' pernah difardukan sebelum dimansuhkan, manakala sebahagian yang lain menganggap ia kekal sebagai amalan sunat sejak awal. Kajian ini menegaskan kepentingan memahami khilaf fiqh berasaskan dalil serta mengamalkan nilai tasamuh dalam beribadah.

Kata kunci: puasa 'Ashura, fardu, sunat muakkad, empat mazhab

Abstract

The fasting of 'Ashura' practiced in the month of Muharam holds a special place in Islamic law. It was once made obligatory before the revelation of the Qur'anic verse that mandated the fasting of Ramadan. However, this study examines the differences among scholars of the four schools of thought regarding whether the fasting of 'Āshūrā' was ever obligatory or had always been recommended (sunnah) from the beginning of its legislation. This research employs a qualitative, library-based methodology, analyzing data from scholarly sources and authoritative classical texts. The issue is examined through the analysis of classical fiqh texts from the Hanafi, Maliki, Syafi'i and Hanbali schools. The study finds that the Hanafi and Maliki schools along with some scholars from the Syafi'i and Hanbali schools, hold that the fasting of 'Āshūrā' was once obligatory before being abrogated while others maintain that it has always been a recommended act of worship. This study emphasizes the importance of understanding juristic differences based on evidence and practicing tolerance (tasamuh) in religious observance.

Keywords: 'Āshūrā' fasting, obligation, emphatic sunnah, four schools of thought



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

BITARA
Volume 8, Issue 4, 2025: 198-209
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 24 August 2025
Accepted: 25 September 2025
Published: 7 Oktober 2025

Cite This Article:

Muhammad Amirul Abdul Rahman & Mohammad Hafiz Darpen. (2025). Puasa 'Ashura': Antara Fardu dan Sunnah dalam Empat Mazhab Fiqh [The Fast of 'Ashura': Between Obligation and Sunnah in the Four Schools of Fiqh]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 198-209.

Pengenalan

Puasa merupakan salah satu bentuk ibadah yang penting dalam Islam dan tidak hanya terbatas kepada pelaksanaannya pada bulan Ramadan semata-mata. Ibadah ini turut merangkumi amalan puasa sunat pada hari-hari tertentu seperti puasa 'Ashura', puasa hari Isnin dan Khamis, serta puasa enam hari dalam bulan Syawal. Dalam konteks ajaran Islam, puasa dianggap sebagai salah satu ibadah yang sangat dimuliakan kerana mempunyai keistimewaan yang membezakannya daripada ibadah-ibadah lain. Menurut Mansyur (2015), keunikan puasa terletak pada hakikat bahawa ia merupakan ibadah yang secara langsung dikaitkan dengan Allah SWT, di mana ganjaran pahalanya tidak ditentukan secara khusus dan hanya diketahui oleh-Nya. Hal ini mencerminkan kedudukan puasa yang sangat tinggi dan agung di sisi Allah SWT, serta menegaskan bahawa nilai ibadah ini bukan sahaja pada bentuk amalannya, tetapi juga pada keikhlasan dan ketundukan spiritual yang terkandung di dalamnya.

Hari 'Ashura' merujuk kepada 10 Muharam (al-Mubārakfurī, t.t.) dan mempunyai kedudukan yang istimewa dalam sejarah Islam. Puasa pada hari tersebut bukanlah amalan yang eksklusif bagi umat Islam sahaja, bahkan turut diamalkan oleh kaum Yahudi sejak zaman Jahiliah (Mansyur, 2015). Amalan ini dikaitkan dengan peristiwa bersejarah sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW, iaitu peristiwa di mana Allah SWT menyelamatkan Nabi Musa AS dan Bani Isrā'īl daripada kekejaman Firaun. Sebagai tanda kesyukuran atas penyelamatan tersebut, kaum Yahudi berpuasa pada hari tersebut. Apabila Nabi Muhammad SAW tiba di Madinah dan mendapati kaum Yahudi berpuasa pada hari itu, baginda turut berpuasa serta menegaskan bahawa baginda lebih berhak terhadap Nabi Musa AS berbanding mereka. Justeru itu, baginda menganjurkan para sahabat untuk turut sama berpuasa pada hari 'Ashura'. Daripada Ibn 'Abbās raḍiya Allāhu 'anhumā berkata:

“Ketika Rasulullah SAW tiba di Madinah, Baginda mendapati orang-orang Yahudi berpuasa pada hari 'Ashura'. Lalu Baginda bertanya tentang hal itu, maka mereka menjawab: 'Ini adalah hari di mana Allah memberikan kemenangan kepada Mūsā dan Bani Isrā'īl ke atas Fir'aun, maka kami berpuasa padanya sebagai penghormatan terhadap hari tersebut.' Maka Nabi SAW bersabda: 'Kami lebih berhak terhadap Mūsā daripada kamu semua.' Lalu Baginda memerintahkan supaya berpuasa pada hari itu.” (Muslim. Kitab al-Ṣiyām, bab puasa hari 'Ashura'. No. 1130)

Selain itu, sesiapa yang berpuasa pada hari istimewa ini akan memperoleh ganjaran yang besar daripada Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda: “Puasa pada hari 'Arafah aku mengharapkan ganjaran daripada Allah agar ia menghapuskan dosa setahun yang sebelumnya

dan setahun yang selepasnya. Dan puasa pada hari ‘Ashura’ aku mengharapkan ganjaran daripada Allah agar ia menghapuskan dosa setahun yang sebelumnya.” (Muslim. Kitab al-Şiyām, bab disunatkan berpuasa tiga hari pada setiap bulan, serta berpuasa pada hari ‘Arafah, hari ‘Ashura’, dan hari Isnin dan Khamis. No. 1162)

Menurut al-Bakri (2022), beliau menukil daripada guru beliau penghapusan dosa yang dinyatakan dalam hadis ini merujuk kepada dosa-dosa kecil. Justeru, amalan berpuasa pada hari ‘Arafah dan hari ‘Ashura’ bukan sekadar ibadah sunat, bahkan berperanan sebagai medium pembersihan diri daripada dosa-dosa kecil yang lalu, di samping menjadi peluang meraih ganjaran dan keampunan daripada Allah SWT.

Namun demikian, timbul perbincangan fiqh berkaitan status pensyariatkan puasa hari ‘Ashura’ adakah ia pernah diwajibkan sebelum berpuasa Ramadan ataupun hanya ibadah sunat sejak dari awal? Perbincangan ini telah menimbulkan pelbagai pandangan dikalangan ulama empat mazhab utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafi’i dan Hanbali dan mereka masing-masing mengemukakan hujah berdasarkan riwayat hadis dan kaedah istinbāt tertentu.

Perbezaan pandangan ini tidak mencerminkan pertentangan mutlak, sebaliknya menggambarkan keanjalan fiqh dalam memahami teks-teks agama dan dinamika ijtihad ulama dalam konteks sejarah pensyariatkan. Oleh itu, artikel ini akan menganalisis secara kritikal pandangan empat mazhab mengenai hukum asal puasa ‘Ashura’, serta menilai sama ada ia pernah difardukan atau hanya disyariatkan sebagai ibadah sunat berdasarkan dalil-dalil yang dikemukakan dalam kitab fiqh muktabar.

Jadual 1 Rumusan Literatur Lepas

Tajuk	Penulis	Tahun	Objektif
Pemahaman tentang ‘Ashura’	hadis puasa Mansyur, M. Z.	2015	Kajian ini membahaskan hadis-hadis puasa ‘Ashura’ dari segi lafaz dan makna serta membincangkan sejarah, hukum dan pelaksanaan dalam Islam.
Şiyām ‘Āshūrā’: tārīkhiyyah fiqhiyyah	Yawm al-Dirāsah al-Mahmadawi, A. Ş. R.	2016	Kajian ini membincangkan fenomena sosial puasa Hari ‘Ashura’ yang dianggap sebagai hari perayaan, serta membuktikan ketidaksahihannya berdasarkan pendirian Ahl al-Bait.
Rūze-ye ‘Āshūrā dar do sadeg-e nakhast-e hijrī (daste-bandī wa gūne-shenāsī-ye rivāyāt) — naw‘-e maqāleh: pazhūhishī	Mehrvash, F., & Khani, H	2017	Kajian ini meneliti asal usul, perbezaan pandangan puasa ‘Ashura’ serta teori baharu berkaitan takwin hijrah dan sejarah.
Bāzpazhūhī dar hukm-e rūze-ye ‘Āshūrā	Koh Peyma, H., &	2020	Kajian ini menilai riwayat penetapan dan penolakan puasa

	Rastegar-Jazi, P.			'Ashura', kesahihan sejarah pengaruh karbala serta pendirian Ahlu bait
Pemahaman sunnah hammiyah mengikut konteks dalam riwayat hadis tentang Puasa 'Ashura'	Muna, Matsna Walidatul	2021		Kajian ini membincangkan kesahihan hadis puasa 'Ashura' dan memahami pengamalan sunnah hammiyyah dalam konteks masyarakat muslim pada masa kini.
Puasa sembilan muharam perspektif hadis Nabi SAW.	Muhammad Irfan	2021		Kajian ini menilai kesahihan hadis puasa sembilan muharam dan memahami tujuan perbezaan daripada agama lain.
Kritikan terhadap keraguan Jalaluddin Rakhmat terhadap kesahihan hadis Puasa 'Ashura	Muhammad Kudhori	2023		Kajian ini membincangkan meneliti kesahihan hadis puasa 'Ashura' dan menolak dakwaan bahawa ia daripada rekaan politik Bani Umayyah.
Gaze on the Day of As-Shura from the Perspective of Islamic History	Parinduri, A. Z.	2025		Kajian ini membahaskan kepentingan Hari 'Ashura' dari aspek rohani, sejarah dan sosial dalam memperkuat iman serta perpaduan umat Islam.
Hadīth “Ṣawm Yawm ‘Āshūrā’”: Dirāsah ḥadīthiyyah fiḥhiyyah	Al-Raddadi, H. b. A. N	2025		Kajian ini membahaskan kepentingan Hari 'Ashura' dari aspek rohani, sejarah dan sosial dalam memperkuat iman serta perpaduan umat Islam.

Daripada keseluruhan kajian yang telah dilakukan sebelum ini, didapati bahawa belum ada penyelidikan yang secara khusus membincangkan isu sama ada puasa 'Ashura' pernah difardukan atau tidak menurut perspektif empat mazhab utama. Justeru, wujud keperluan yang mendesak untuk mengkaji dan menjelaskan perkara ini secara terperinci. Kajian ini penting bagi memberikan penjelasan yang jelas mengenai kedudukan sebenar puasa 'Ashura' pada peringkat awal perkembangan Islam. Selain itu, ia berperanan mengisi jurang dalam literatur sedia ada, sekali gus menyediakan panduan yang lebih tepat kepada para penyelidik dan pengkaji dalam bidang fiqh. Dengan adanya kajian ini, diharapkan para penyelidik dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam, sistematik dan berasaskan dalil terhadap isu hukum puasa 'Ashura' menurut empat mazhab.

Metodologi Kajian

kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan kepustakaan. Penyelidikan ini berfokus pada pengumpulan, penganalisisan, dan pentafsiran data yang bersumber daripada dokumen ilmiah, kitab-kitab muktabar, serta kajian akademik terdahulu.

Dalam proses pengumpulan data, kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi dengan meneliti secara sistematik pelbagai sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan puasa 'Ashura'. Sumber-sumber tersebut diperoleh daripada perpustakaan fizikal, artikel jurnal akademik, laman sesawang, tesis ilmiah, serta perpustakaan digital seperti aplikasi al-Maktabah al-Shāmilah. Kajian ini turut melibatkan analisis perbandingan hukum sebagaimana yang difahami oleh para ulama fiqh, bagi memastikan hasil penyelidikan yang dihasilkan bersifat menyeluruh, dan berasaskan dalil yang sah.

Perbincangan dan Dapatan

Puasa 'Āshūrā' telah melalui empat peringkat hukum yang berbeza sepanjang sejarahnya (Ibn Rajab al-Hanbali, 1999).

Peringkat pertama: Nabi SAW berpuasa pada hari 'Āshūrā' ketika di Mekah, namun baginda tidak memerintahkan orang ramai untuk berpuasa.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: «كَانَ عَاشُورَاءَ يَوْمًا تَصُومُهُ قُرَيْشٌ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُهُ، فَلَمَّا قَدِمَ الْمَدِينَةَ صَامَهُ وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ، فَلَمَّا نَزَلَ رَمَضَانُ كَانَ مَنْ شَاءَ صَامَهُ، وَمَنْ شَاءَ لَا يَصُومُهُ.»

Daripada 'Ā'ishah RA, beliau berkata: "Hari 'Āshūrā' adalah hari orang Quraisy berpuasa zaman Jahiliyah, dan Nabi SAW juga berpuasa padanya. Apabila Baginda tiba ke Madinah, Baginda berpuasa padanya dan memerintahkan agar orang ramai berpuasa padanya. Tetapi setelah puasa Ramadan difardukan, sesiapa yang mahu, bolehlah berpuasa, dan sesiapa yang tidak mahu, bolehlah meninggalkannya." (al-Bukhari. Kitab Manakib al-Ansar, bab Ayyām al-Jāhiliyyah. No 3831)

Peringkat kedua: Apabila Nabi SAW tiba di Madinah, Baginda mendapati ahli kitab (Yahudi) berpuasa pada hari tersebut sebagai tanda pengagungan terhadapnya.

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: «قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، فَرَأَى الْيَهُودَ تَصُومُ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، فَقَالَ: مَا هَذَا، قَالُوا: هَذَا يَوْمٌ صَالِحٌ، هَذَا يَوْمٌ نَجَّى اللَّهُ بَنِي إِسْرَائِيلَ مِنْ غَدْوِهِمْ، فَصَامَهُ مُوسَى. قَالَ: فَأَنَا أَحَقُّ بِمُوسَى مِنْكُمْ، فَصَامَهُ وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ.»

Daripada Ibn 'Abbās RA, beliau berkata: Nabi SAW tiba di Madinah, baginda melihat orang-orang Yahudi berpuasa pada Hari 'Āshūrā'. Maka Baginda bertanya: "Hari apakah ini?" Mereka menjawab: "Ini adalah hari yang baik. pada hari ini Allah telah menyelamatkan Bani Isra'il daripada musuh mereka, maka

Nabi Mūsā telah berpuasa pada hari ini.” Maka Nabi SAW bersabda: “Kami lebih berhak terhadap Musa daripada kamu.” Lalu Baginda berpuasa pada hari itu, dan memerintahkan umat Islam untuk berpuasa padanya. (al-Bukhari. Kitab al-Ṣawm, bab hari ‘Āshūrā’. No 2004).

Peringkat ketiga: Setelah puasa bulan Ramadan telah difardukan, Nabi SAW tidak lagi mewajibkan perintah kepada para sahabat untuk berpuasa pada Hari ‘Āshūrā’, dan baginda tidak menekankan perintah tersebut.

عن عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا « أَنَّ أَهْلَ الْجَاهِلِيَّةِ كَانُوا يَصُومُونَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، وَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَامَهُ وَالْمُسْلِمُونَ قَبْلَ أَنْ يُفْتَرَضَ رَمَضَانُ، فَلَمَّا افْتَرَضَ رَمَضَانُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ عَاشُورَاءَ يَوْمٌ مِنْ أَيَّامِ اللَّهِ فَمَنْ شَاءَ صَامَهُ، وَمَنْ شَاءَ تَرَكَهُ ».

Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar RA, beliau berkata: Kaum Jāhiliyyah dahulu berpuasa pada Hari ‘Āshūrā’, dan Rasulullah SAW juga berpuasa padanya, begitu juga kaum Muslimin, sebelum difardukan puasa Ramadan. Setelah puasa Ramadan telah diwajibkan, Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya ‘Āshūrā’ adalah salah satu daripada hari-hari Allah. Maka sesiapa yang mahu, boleh berpuasa, dan sesiapa yang mahu, boleh meninggalkannya.” (Muslim. Kitab al-Ṣiyām, bab puasa hari ‘Āshūrā’. No 1126).

Peringkat keempat: Nabi SAW bertekad pada akhir hayatnya untuk tidak lagi berpuasa pada Hari ‘Āshūrā’ secara bersendirian, sebaliknya menambahkan satu hari lain bersamanya sama ada sehari sebelumnya atau sehari selepasnya, dengan tujuan menyelisih cara puasa ahli kitab.

عن عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ: « حِينَ صَامَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ عَاشُورَاءَ، وَأَمَرَ بِصِيَامِهِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ يَوْمٌ تُعْظِمُهُ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَإِذَا كَانَ الْعَامُ الْمُقْبِلُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ صُمْنَا الْيَوْمَ التَّاسِعَ، قَالَ: فَلَمْ يَأْتِ الْعَامُ الْمُقْبِلُ حَتَّى تُوَفِّي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ »

‘Abdullah bin ‘Abbās RA berkata: Ketika Rasulullah SAW berpuasa pada Hari ‘Āshūrā’ dan memerintahkan supaya orang ramai berpuasa padanya, para sahabat berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya hari ini adalah hari yang diagungkan oleh orang Yahudi dan Nasrani.” Maka Rasulullah SAW bersabda: “Jika datang tahun hadapan, insya-Allah kita akan berpuasa juga pada hari kesembilan (Tasū‘ā).” Ibn ‘Abbās berkata: Namun, sebelum tahun tibanya berikutnya, Rasulullah SAW telah wafat. (Muslim. Kitab al-Ṣiyām, bab hari manakah yang berpuasa pada ‘Āshūrā’. No 1134).

Mazhab Hanafi

Imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybānī meriwayatkan dalam al-Muwatta' beliau:

أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، أَخْبَرَنَا ابْنُ شِهَابٍ، عَنْ حُمَيْدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ، أَنَّهُ سَمِعَ مُعَاوِيَةَ بْنَ أَبِي سُفْيَانَ عَامَ حَجِّ وَهُوَ عَلَى الْمَنَبَرِ يَقُولُ: يَا أَهْلَ الْمَدِينَةِ، أَيْنَ عُلَمَاؤُكُمْ؟ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لِهَذَا الْيَوْمِ: «هَذَا يَوْمٌ عَاشُورَاءُ لَمْ يَكْتُبِ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ، أَنَا صَائِمٌ، وَمَنْ شَاءَ فَلْيَصُمْ، وَمَنْ شَاءَ فَلْيُفْطِرْ»

Terjemahannya: Telah mengkhabarkan kepada kami Mālik, telah mengkhabarkan kepada kami Ibn Shihāb, daripada Ḥumayd bin ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Awf, bahawa beliau mendengar Mu‘āwiyah bin Abī Sufyān pada tahun haji ketika beliau berada di atas mimbar berkata: “*Wahai penduduk Madinah! Di manakah para ulama kalian? Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda mengenai hari ini: ‘Hari ini adalah Hari ‘Ashura’. Allah tidak mewajibkan kamu untuk berpuasa padanya. Aku sendiri berpuasa, maka sesiapa yang mahu, hendaklah dia berpuasa dan sesiapa yang mahu, boleh dia meninggalkannya (tidak berpuasa)’*”. (Riwayat al-Muwatta’ Mālik- riwayat Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī). Bab Ṣawm ‘Ashura’. No. 374)

Menurut Al-Shaybānī (t.t.), seorang tokoh besar dalam mazhab Hanafi serta murid utama Imam Abū Ḥanīfah, beliau memberikan penjelasan ringkas dalam salah satu karya beliau berhubung hukum puasa pada Hari ‘Ashura’. Beliau menyatakan:

“Puasa pada Hari ‘Ashura’ pada asalnya adalah diwajibkan sebelum turunnya kewajipan berpuasa pada bulan Ramadan. Namun, setelah disyariatkan puasa Ramadan, kewajipan tersebut telah dimansuhkan. Maka, puasa ‘Ashura’ kini adalah amalan sunat, sesiapa yang mahu, boleh berpuasa, dan sesiapa yang tidak mahu, tiada masalah untuk meninggalkannya. Inilah juga pendapat Imam Abū Ḥanīfah rahimahullah dan merupakan pandangan umum ulama terdahulu sebelum kami.”

Menurut al Tahawi (1999) beliau turut berpandangan yang sama iaitu puasa ‘Ashura’ pernah difardukan sebelum kewajipan puasa Ramadan dan beliau membawa satu riwayat hadis:

حَدَّثَنَا ابْنُ مَرْزُوقٍ، قَالَ: ثنا رَوْحُ بْنُ عُبَادَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ شُعْبَةَ، عَنْ سَلَمَةَ بْنِ كُهَيْلٍ، عَنِ الْقَاسِمِ بْنِ مَخْيِمَةَ، عَنْ أَبِي عَمَّارٍ، عَنْ قَيْسِ بْنِ سَعْدٍ بْنِ عُبَادَةَ، قَالَ: «أُمِرْنَا بِصَوْمِ عَاشُورَاءَ قَبْلَ أَنْ يُفْرَضَ رَمَضَانُ، فَلَمَّا فُرِضَ رَمَضَانُ لَمْ نُؤْمَرْ، وَلَمْ نُنْهَ عَنْهُ، وَنَحْنُ نَفْعَلُهُ»

Telah meriwayatkan kepada kami Ibn Marzūq, katanya: Telah meriwayatkan kepada kami Rūḥ bin ‘Ubādah, katanya: Aku mendengar Shu‘bah, daripada Salamah bin Kuhayl, daripada al-Qāsim bin Mukhaimirah, daripada Abī ‘Ammār, daripada Qays bin Sa‘d bin ‘Ubādah, beliau berkata: “Kami telah diperintahkan untuk berpuasa pada Hari ‘Ashura’ sebelum puasa Ramadan

difardukan. Namun, apabila Ramadan telah difardukan, kami tidak lagi diperintahkan (untuk berpuasa ‘Ashura’), dan tidak pula dilarang daripadanya. Maka kami terus mengamalkannya (berpuasa padanya).” (Sharḥ Ma‘ānī al-Āthār. Kitab Kitāb al-Ṣiyām. Bab puasa hari ‘Ashura’. No 3281)

Beliau menyatakan bahawa hadis ini menjadi bukti bahawa kewajipan puasa pada hari ‘Ashura’ telah dimansuhkan. Selain itu, terdapat juga dalil yang menunjukkan bahawa hukumnya telah dikembalikan kepada status tatawwu (sunat) setelah sebelumnya ia disyariatkan sebagai suatu kewajipan.

Mazhab Maliki

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Mu‘awiyah RA, Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang mahu, hendaklah dia berpuasa, dan sesiapa yang mahu, bolehlah dia tidak berpuasa.”

Menurut Ibn ‘Abd al-Barr (2000), sabda Baginda SAW ini menunjukkan bahawa ia merupakan satu bentuk rukhsah (kelonggaran) yang datang selepas suatu kewajipan. Ini kerana sebahagian ulama berpendapat bahawa puasa pada Hari ‘Ashura’ pada asalnya adalah wajib, namun kewajipan tersebut telah dimansuhkan apabila difardukan puasa bulan Ramadan. Oleh itu, Rasulullah SAW menjelaskan kedudukan hukum ini kepada para sahabat melalui wahyu (al-Kitāb).

Menurut al Qurtubi (1964) pula ketika menafsirkan firman Allah SWT dalam Surah al Baqarah ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa. (Surah al-baqarah. Ayat 183)

Dalam sejarah penyariatkan ibadah puasa, beliau menjelaskan bahawa mempunyai unsur penyerupaan dengan umat terdahulu. Menurut Mua’z bin Jabal dan ‘Atā’ penyerupaan ini bukan pada cara atau bilangan puasa, tetapi pada konsep kewajipan itu sendiri. Contohnya, kaum Yahudi diperintahkan untuk berpuasa. namun, bentuk dan bilangan puasa mereka berbeza dengan umat Islam. Pada peringkat awal Islam, kewajipan puasa merangkumi tiga hari setiap bulan dan Hari ‘Ashura’. Menurut Ibn ‘Abbās, hal ini merupakan bentuk persamaan dengan amalan kaum Yahudi. Walau bagaimanapun, kewajipan tersebut bersifat sementara sebelum digantikan dengan ketetapan yang lebih sempurna. Kemudian, Allah SWT telah menurunkan kewajipan puasa Ramadan dan menggugurkan kewajipan puasa sebelumnya. Muaz bin Jabal menjelaskan bahawa pada permulaannya, Allah SWT turunkan perintah puasa beberapa hari tertentu, iaitu tiga hari dalam sebulan dan Hari ‘Ashura’. Namun, setelah datangnya puasa Ramadan, kewajipan tersebut dimansuhkan sepenuhnya dan Ramadan juga menjadi kewajipan utama sebagai salah satu rukun Islam.

Mazhab Syafi'i

Para ulama dalam mazhab Syafi'i telah berbeza pendapat mengenai hukum asal puasa 'Āshūrā'. Menurut al-Nawawī (1972) terdapat dua pendapat utama. Pendapat yang lebih masyhur dalam kalangan ulama Syafi'iyyah ialah puasa tersebut sejak awal disyariatkan hanyalah sunnah bukan wajib dan tidak pernah menjadi kewajipan ke atas umat Islam. Namun, ia sangat digalakkan sebagai sunnah mu'akkadah. Apabila turun kewajipan puasa Ramadan, maka puasa 'Āshūrā' kekal sebagai amalan sunnah, tetapi tidak lagi dengan penekanan yang sekuat sebelumnya.

Pendapat kedua pula mengatakan bahawa puasa itu pernah menjadi wajib, sepertimana pandangan Imam Abu Hanifah. Dalam beberapa riwayat disebutkan bahawa Nabi Muhammad SAW berpuasa pada Hari 'Ashura' dan menganjurkan para sahabat untuk turut sama berpuasa pada hari tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa puasa 'Ashura' memiliki kedudukan yang penting dalam sejarah awal pensyariaan Islam.

al-Qāḍī 'Iyāḍ menyatakan bahawa terdapat sebahagian ulama salaf yang berpandangan bahawa puasa 'Ashura' pada asalnya adalah wajib, dan kewajipan itu tidak pernah dimansuhkan (Al-Suyūṭī, t.t.). Namun demikian, menurut al-Qāḍī 'Iyāḍ, golongan yang berpegang dengan pandangan tersebut telah pun lenyap, atau telah berlaku ijmak ulama yang menyatakan bahawa puasa 'Ashura' tidak lagi bersifat wajib, sebaliknya hukumnya kini adalah sunat mu'akkad iaitu sunat yang sangat digalakkan.

Ibn Mas'ūd RA pernah berkata: "Kami dahulu berpuasa pada hari 'Ashura', kemudian kami meninggalkannya. Para ulama menjelaskan bahawa maksud "meninggalkannya" di sini bukanlah berhenti berpuasa sama sekali, tetapi meninggalkan kewajipannya (Al-Nawawī, 1972). Dengan kata lain, selepas datangnya kewajipan puasa Ramadan, puasa 'Ashura' tidak lagi diwajibkan seperti pada awal pensyariatannya. Namun begitu, ia tetap kekal sebagai amalan sunat yang sangat dianjurkan (mustahabb) dan terus diamalkan oleh umat Islam hingga ke hari ini.

Mazhab Hanbali

Dalam mazhab Hanbali mempunyai dua pandangan mengenai isu ini iaitu pandangan pertama mengatakan tidak pernah difardukan dan pandangan kedua mengatakan pernah difardhukan sebelum turunnya kewajipan puasa Ramadan.

Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1997) menyebut bahawa pandangan pertama dalam mazhab Hanbali berpegang bahawa puasa 'Ashura' tidak pernah difardukan. Pandangan ini dinisbahkan kepada al-Qāḍī Abū Ya'lā, yang berpendapat bahawa puasa 'Ashura' tidak pernah diwajibkan, dan hujah ini dibina melalui qiyās berdasarkan prinsip mazhab Hanbali. Pendapat tersebut turut disokong oleh Abū Ḥafṣ al-Barmakī, sebagaimana dinukilkan oleh Ibn Taymiyyah (2019). Ibn Taymiyyah menukilkan kata-kata al-Qāḍī: (Tidak diketahui adanya riwayat daripada kalangan ulama mazhab kami (Hanbali) bahawa puasa 'Āshūrā' pernah diwajibkan pada ketika itu). Ibnu Qudamah al-Maqdisi (1997) menukilkan dua hujah yang dikemukakan oleh al-Qāḍī:

1. Nabi SAW memerintahkan orang yang belum makan pada pagi hari supaya meneruskan berpuasa pada hari tersebut, sedangkan dalam puasa wajib, niat pada waktu malam merupakan syarat sah puasa.
2. Baginda SAW tidak memerintahkan orang yang tidak berpuasa pada hari itu untuk menggantikannya puasa tersebut, sedangkan dalam puasa wajib, qada' adalah kewajiban bagi sesiapa yang meninggalkannya.

Dalilnya: Daripada Muawiyah raḍiya Allāhu 'anhu beliau berkata bahawa Nabi SAW bersabda:

“Di manakah para ulama kalian, wahai penduduk Madinah? Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda mengenai hari ini iaitu hari ‘Ashura’: Allah tidak mewajibkan kalian untuk berpuasa pada hari ini. Aku sendiri berpuasa, maka sesiapa yang mahu berpuasa, silakanlah berpuasa. Dan sesiapa yang tidak mahu berpuasa, maka bolehlah dia tidak berpuasa.” (Muslim. Kitab al-Ṣiyām, bab puasa hari ‘Ashura’. No 1129)

Berdasarkan hadis ini, jelaslah bahawa puasa ‘Ashura’ tidak diwajibkan, sebaliknya ia hanyalah satu amalan sunat. Inilah pendirian pandangan pertama dalam mazhab Hanbali yang menegaskan bahawa puasa ini tidak pernah difardukan sejak awal pensyariatannya.

Pandangan kedua dalam mazhab Hanbali berpendapat bahawa puasa ‘Ashura’ pernah difardukan sebelum turunnya kewajiban puasa Ramadan. Pandangan ini dinisbahkan kepada Imam Ahmad, sebagaimana dinyatakan oleh Ibn Qudāmah al-Maqdisī (1997). Ibn Qudāmah sendiri lebih cenderung memilih pandangan ini, bahkan menegaskan bahawa ia merupakan pendapat yang lebih kuat dan lebih tepat (Ibn Taymiyyah, 2019). Dalilnya: Daripada ‘Ā’ishah raḍiya Allāhu ‘anha, beliau berkata:

“Rasulullah SAW dahulu pernah memerintahkan supaya berpuasa pada Hari ‘Ashura’. Namun setelah difardukan puasa Ramadan, maka sesiapa yang mahu berpuasa (pada hari ‘Ashura’), boleh berpuasa; dan sesiapa yang tidak mahu, maka dia boleh berbuka.” (al-Bukhari. Kitab al-Ṣawm, bab puasa hari ‘Ashura’. No 2001)

Hadis ini menjadi bukti bahawa puasa ‘Ashura’ pernah diwajibkan pada peringkat awal, kemudian hukumnya dimansuhkan berubah menjadi amalan sunat. Terdapat banyak riwayat lain yang turut menguatkan hakikat ini, yang menunjukkan bahawa kewajiban puasa ‘Ashura’ berlaku sebelum turunnya kefarduan puasa Ramadan.

Ibn Taymiyyah (2019) menukulkan pandangan Abū Bakr al-Athram dalam Nasikh al-Ḥadīth wa Mansūkhīh, yang menghimpunkan lebih daripada dua puluh hadis berkenaan perintah Nabi SAW agar berpuasa pada Hari ‘Ashura’. Kesemua riwayat ini mengisyaratkan bahawa puasa tersebut sememangnya difardukan pada awalnya, sebelum digantikan dengan kewajiban berpuasa pada bulan Ramadan.

Kesimpulan

Hasil kajian ini mendapati bahawa puasa 'Ashura' pernah difardukan pada zaman Rasulullah SAW, iaitu sebelum kewajipan puasa Ramadan disyariatkan. Walau bagaimanapun, kewajipan tersebut kemudiannya dimansuhkan setelah turunnya perintah berpuasa pada bulan Ramadan. Berdasarkan analisis terhadap pandangan para fuqaha', hanya Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki, serta sebahagian ulama daripada Mazhab al-Syafi'i dan Mazhab Hanbali yang berpendapat bahawa puasa 'Ashura' sememangnya pernah berada pada kedudukan wajib sebelum dimansuhkan. Pandangan ini diperkukuh dengan hujah-hujah yang bersumberkan nas hadis sahih serta penjelasan para fuqaha yang menunjukkan kewujudannya dalam sejarah awal pensyariaan Islam.

Kajian ini mendapati bahawa terdapat pandangan daripada beberapa tokoh ilmuwan kontemporari yang menyokong pendapat bahawa puasa 'Ashura' pernah difardukan pada peringkat awal Islam. Antaranya ialah al-Mubarakfuri, seorang ulama dan sarjana hadis terkemuka, dalam karya beliau *Tuhfah al-Ahwadhī* menegaskan bahawa puasa 'Ashura' sememangnya pernah berstatus wajib sebelum dimansuhkan dengan kewajipan berpuasa pada bulan Ramadan.

Dengan demikian, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memperluas pemahaman mengenai hukum puasa 'Ashura' pada peringkat awal pensyariaan Islam, khususnya dalam konteks perbezaan pandangan ulama dan perkembangan kedudukannya daripada perspektif sejarah dan fiqh.

Rujukan

- Ibn Qudāmah al-Maqdisī, 'A. b. A. (1997). *Al-Mughnī*. Riyadh, Arab Saudi: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Ibn Rajab al-Hanbali, A. A. (1999). *Lata'if al-ma'ārif fīmā li-mawāsim al-'ām min al-wazā'if*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ibn Taymiyyah, A. b. 'A. (2019). *Sharḥ 'Umdat al-Fiqh*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Irfan, M. (2021). Puasa Tanggal Sembilan Muharam (Tasua') Perspektif Hadis Nabi SAW. *Al Yasini: Jurnal KeIslaman, Sosial, hukum dan Pendidikan*, 6(1), 34-44.
- Koh Peyma, H., & Rastegar-Jazi, P. (2020). *Bāzpaẓhūhī dar ḥukm-e rūze-ye 'Āshūrā*. *Dofsālnāmeḥ Fiqh Muqāran*, 7(14), 5–28..
- Kudhori, K. M. (2023). Kritik Atas Tashkik Jalaluddin Rakhmat Terhadap Kesahihan Hadis Puasa Asyura. *PUTIH: Jurnal Pengetahuan Tentang Ilmu dan Hikmah*, 8(2), 33-54.
- al-Mahmadawi, A. Ş. R. (2016). *Şiyām Yawm 'Āshūrā': Dirāsah tārīkhiyyah fiqhiyyah*. *Majallat al-Kulliyyah al-Islāmiyyah al-Jāmi'ah*, 1(37), 231–260.
- Mālik bin Anas al-Madani, M. b. A. (t.t.). *Al-Muwatṭa' Mālik* (riwayat Muḥammad bin al-Ḥasan al-Shaybānī). Beirut: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Al-Bakri, Z. M. (2022, JULY 15). Puasa Hari 'Ashura'. <https://zulkifliabakri.com/1065-puasa-hari-asyura/>
- Mansyur, M. Z. (2017). Pemahaman Hadis tentang Puasa Asyura [Skripsi, UIN Antasari Banjarmasin]. Institutional Repository UIN Antasari.
- Mehrvash, F., & Khani, H. (2017). *Rūze-ye 'Āshūrā dar do sadeg-e nakhast-e hijrī (daste-bandī wa gūne-shenāsī-ye rivāyāt)*. *'Ulūm al-Qur'ān wa al-Ḥadīth*, 49(2), 51–79.

- Muna, M. W. (2021). Kontekstualisasi Sunnah Hammiyah Dalam Riwayat Hadis Tentang Puasa ‘Ashura’ (Doctoral dissertation, IAIN Kediri).
- Al-Nawawī, Y. b. S. (1972). *Al-Minhāj sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Parinduri, A. Z. (2025). Gaze on the Day of As-Shura from the Perspective of Islamic History. *Young Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(2), 11-21.
- Al-Mubārakfūrī, M. ‘A. ‘A. (t.t.). *Tuhfat al-Aḥwadhī bi sharḥ Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Qurṭubī, Ibn ‘Abd al-Barr, Y. b. A. (2000). *Al-Istidhkār*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qurṭubī, M. b. A. (1964). *Al-Jāmi‘ li-Aḥkām al-Qur’ān (Tafsīr al-Qurṭubī)*. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- al-Raddādī, H. b. ‘A. N. (2024). Ḥadīth “Ṣawm Yawm ‘Āshūrā’”: Dirāsah ḥadīthiyyah fiqhiyyah. *Majallat al-Qalam li-l-‘Ulūm al-Insāniyyah wa-al-Taṭbīqiyyah (‘ilmiyyah – dawriyyah – muḥakkamah)*, 11(46), 198–225.
- Al-Suyūfī, A. b. A. (t.t.). *Sharḥ Sunan Ibn Mājah*. Karachi: Qadimi Kutub Khana.
- Al-Ṭaḥāwī, A. b. M. (1999). *Sharḥ Ma‘ānī al-Āthār*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub.